

# Manfaat program 'Vedatangal'

Oleh JOHN TAMBANAN

## Gesaan Jothi kepada pelajar India di UMS

KOTAKINABALU: Pengerusi Badan Perhubungan MIC Sabah Datuk VJothi menggesa pelajar India di Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini supaya menggunakan peluang yang disediakan melalui program 'Vedatangal' anjuran Sekretariat Kesenian, Kebudayaan dan Warisan India (SEKWIM) di universiti itu.

Beliau berkata, objektif program Vedatangal adalah untuk membantu pelajar menyesuaikan diri dengan kehidupan universiti, oleh itu mereka perlu menggunakan peluang untuk mengenali rakan-rakan mereka dan juga untuk rangkaian muhibbah antara satu sama lain.

Jothi ketika merasmikan program itu baru-baru ini melahirkan harapan bahawa

Vedatangal akan menjadi permulaan bagi pelajar ke arah membina diri mereka menjadi individu yang berintelektual tinggi melalui ahli akademik tidak formal.

"Saya berharap keyakinan diri anda akan dirangsang supaya boleh mengatasi semua cabaran dan juga bahawa anda akan dapat membina kualiti kepimpinan anda.

"Sebagai pemimpin masa depan yang akan bertanggungjawab dalam penerusan pembangunan negara, anda perlu berperanan dalam memastikan kemajuan yang berterusan, keamanan dan keharmonian di negara ini," katanya.

Jothi juga menegaskan bahawa Sabah adalah sebuah negeri yang kaya dengan budaya, dan negeri

ini adalah kediaman kepada lebih daripada 30 kumpulan etnik.

Katanya, rakyat Sabah yang berbilang kaum dan agama terkenal dengan semangat toleransi yang tinggi antara satu sama lain dan keunikan itu telah mendapat pujian daripada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak yang telah mengisyiharkan Sabah sebagai contoh terbaik semangat 1Malaysia.

"Bagi pelajar bukan penduduk Sabah, saya berharap anda akan mengambil kesempatan ini untuk mengetahui lebih lanjut mengenai keunikan ini.

"Saya juga berharap untuk melihat anda semua menyumbang kepada integrasi nasional dengan memupuk hubungan baik dengan penduduk tempatan," katanya.



JOTHI bergambar kenangan bersama para pelajar selepas majlis perasmian program itu.